

▼19/03/18-48MST

CNS0268

U GB 19-03 00181 BH869

aab

Mahathir - Takhta

KES TAKHTA KELANTAN MUNGKIN KE MAHKAMAH KHAS

KOTA BAHARU, 19 Mac (Bernama) -- Kes pewaris takhta Kesultanan Kelantan, yang kini dipertikaikan, mungkin terpaksa dibawa ke Mahkamah Khas jika kerajaan negeri tidak dapat menyelesaikannya sendiri, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, soal itu perlu diselesaikan oleh kerajaan negeri terlebih dahulu dan jika ia tidak dapat dilakukan, kerajaan persekutuan akan mengambil apa-apa tindakan yang dibenarkan oleh undang-undang.

"Kita sudah bersetuju untuk mengadakan Mahkamah Khas bagi raja-raja dan kalau ada kes yang dibawa oleh mana-mana pihak terhadap raja, maka ada mahkamah yang didirikan oleh Kerajaan Pusat," katanya kepada pemberita hari ini.

Beliau berkata, mahkamah itu (yang penubuhannya dibenarkan selepas Perlembagaan Persekutuan dipinda baru-baru ini) mempunyai bidang kuasa untuk mengambil keputusan terhadap pertikaian yang melibatkan raja dengan undang-undang.

"Bagaimanapun jika boleh diselesaikan di peringkat negeri, maka eloklah diselesaikan di peringkat negeri,+ katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Kelantan, di sini. Beliau ialah juga pengerusi UMNO Kelantan. -- Lagi

▼19/03/18-41MST

CNS0290

U GB 19-03 00175 BH870

aab

Mahathir - Takhta 2 Kota Baharu

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, sebelum ia dibawa (ke Mahkamah Khas) Peguam Negara akan menimbang sama ada wujud kes atau tidak, dan jika wujud kes, soal pewaris takhta Sultan Kelantan itu akan dibicarakan.

Ketika ditanya sama ada Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 telah diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlah Shah, Perdana Menteri berkata bahawa ia akan menjadi undang-undang dalam tempoh 30 hari selepas diluluskan oleh Dewan Negara.

"Saya percaya Yang di-Pertuan Agong akan menandatangani Rang Undang-undang ini kerana yang merujukkan kepada Dewan Rakyat dengan cadangan-cadangan pindaan kepada pindaan, ialah Yang di-Pertuan Agong sendiri," katanya.

Soal kesahihan Sultan Ismail Petra sebagai Sultan Kelantan dibangkitkan oleh Anggota Parlimen Arau, Shahidan Kassim yang mendakwa kononnya Tengku Ibrahim, sepupu Sultan Ismail, lebih berhak menduduki takhta.

Shahidan mendakwa, ayah Tengku Ibrahim, Tengku Indera Petra adalah abang kepada ayahanda Sultan Ismail, Tengku Yahya Petra, dan bonda Tengku Indera Petra daripada keturunan raja sedangkan ibu Tengku Yahya Petra ialah rakyat biasa. -- Lagi

19/03/18-55MST

U GB 19-03 00180 BH871

aab

Mahathir - Takhta 3 (Akhir) Kota Baharu

Dr Mahathir, yang diiringi Menteri Belia dan Sukan, Datuk Annuar Musa pada persidangan akhbar itu turut melahirkan rasa dukacitanya kerana imam dan masjid digunakan oleh Kerajaan Kelantan untuk kepentingan parti.

Dr Mahathir memberi contoh yang dialaminya sendiri ketika bersembahyang Jumaat hari ini, bagaimana imam ditukar dan khutbah yang disampaikan menjadi syarahan politik yang disampaikan oleh seorang pemuda menyebabkan "ibadat sembahyang tidak tentu arah".

"Saya tidak tahu sama ada saya datang ke masjid untuk sembahyang Jumaat atau majlis politik. Saya berasa amat dukacita dengan cara semacam ini, memperalatkan masjid dan agama untuk kepentingan sebuah parti politik," katanya.

Ketika mengulas arahan Kelantan melarang Hotel Perdana dan Perdana Beach Resort membenarkan Menteri Kabinet mengadakan majlis di kedua-dua hotel itu, beliau berkata, sikap ini menghairankan kerana ia dibuat oleh kerajaan yang dipimpin oleh "orang yang dikatakan arif dalam agama".

"Menteri Besar Kelantan (Haji Nik Aziz Nik Mat) tentu faham apabila kita terhutang budi kepada orang, kita tidak buat perkara semacam ini," katanya.

-- Bernama